

17 AUG 1999

MASYARAKAT MALAYSIA SUDAH MATANG DENGAN FITNAH MELALUI INTERNET

IPOH, 17 Ogos (Bernama) -- Masyarakat Malaysia kini sudah matang dalam menilai berita-berita palsu dan fitnah yang disebarkan melalui Internet dan tidak lagi panik dengan khabar angin berhubung adanya rusuhan di negara ini, kata Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini.

Katanya, khabar angin melalui Internet baru-baru ini mengenai rusuhan akan berlaku di negara ini apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke luar negara, telah tidak menimbulkan sebarang reaksi seperti kes khabar angin tahun lepas yang mengatakan berlaku rusuhan di Chow Kit, di Kuala Lumpur.

"Dulu bila ada berita rusuhan dalam Internet, semua orang panik. Sekarang, perkara itu tidak berlaku lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar dua hari mengenai projek pengurusan hutan pelbagai peringkat di Malaysia anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun di sini.

Hishammuddin berkata masa akan menentukan lama kelamaan, seperti juga surat layang, rakyat akan muak dengan berita-berita palsu dan fitnah dalam Internet.

Walaupun pada peringkat permulaan beliau sendiri terkilan dengan pelbagai tohmahan dan fitnah yang dilemparkan kepada beliau dan keluarga oleh anak bangsa sendiri, tetapi kini tuduhan-tuduhan itu tidak menjejaskan kredibiliti beliau dan keluarga, katanya.

Jika berita yang tidak benar itu terus disalurkan dalam Internet, tanpa bukti kesahihannya, ia akan mewujudkan masyarakat yang lebih berhati-hati untuk menerima maklumat daripada Internet.

-- BERNAMA.

HK zb